

GARIS PANDUAN

CAJ PENGGUNAAN INTERNET/PERALATAN IT DI PUSAT INTERNET

(A) Peralatan Komputer

1. Keahlian adalah terbuka kepada semua pengunjung.
2. Setiap pengunjung yang ingin menggunakan peralatan di Pusat Internet digalakkan untuk mendaftar sebagai Ahli Pusat Internet dengan bayaran RM5.00 sekali daftar.
3. Penggunaan PERCUMA selama 1 jam sehari selama 90 hari diberikan kepada ahli baru Pusat Internet.
4. Keahlian PERCUMA dibenarkan HANYA pada Hari Terbuka Pusat Internet yang diadakan setahun sekali.
5. Ahli hendaklah menggunakan kemudahan komputer/internet sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 12 bulan. Sekiranya Ahli didapati tidak aktif melebihi 12 bulan, keahlian akan dibatalkan.
6. Bagi mengaktifkan kembali keahlian, bayaran sebanyak RM3.00 akan dikenakan kepada ahli yang dibatalkan keahliannya atas sebab tidak aktif.
7. Caj penggunaan komputer di antara 9:00 pagi hingga 6:00 petang setiap hari adalah tertakluk kepada jadual berikut:

Kategori	Bayaran Setiap Jam Setiap Komputer 9.00am – 6.00pm
	(RM)
Ahli Pusat Internet	1.00
Bukan Ahli Pusat Internet	2.00
Pelajar	PERCUMA <ul style="list-style-type: none">- berumur 20 tahun dan kebawah; atau- mempunyai kad pelajar (universiti dll)
Warga Emas	PERCUMA <i>*berumur 60 ke atas</i>
Orang Kelainan Upaya (OKU)	PERCUMA <ul style="list-style-type: none">- perlu mengemukakan Kad OKU; atau- atas budibicara Penyelia

8. Penggunaan komputer secara PERCUMA bagi pelajar, warga emas dan OKU adalah selama 1 jam sahaja, penggunaan boleh dilanjutkan tertakluk kepada kekosongan penggunaan PC dan budi bicara Penyelia Pusat Internet.
9. Hasil kutipan caj bagi penggunaan internet selepas jam 6.00 petang adalah dikategorikan sebagai insentif dan menjadi hak milik penyelia yang bertugas. Walau bagaimanapun ianya perlu direkodkan di dalam laporan kewangan kepada MCMC.
10. Penyelia Pusat Internet akan memantau dan merekodkan penggunaan komputer berbayar pada setiap masa.

(B) Penggunaan lain-lain peralatan di Pusat Internet

1. Penggunaan peralatan lain yang disediakan di Pusat Internet akan dikenakan bayaran seperti berikut:

ITEM	MUKA SURAT	AHLI	BUKAN AHLI
Mencetak hitam/ putih <i>*Kertas A4</i>	1 - 5	RM0.40	RM0.70
	5 dan lebih	RM0.20	RM0.50
Mencetak warna <i>*Kertas A4</i>	1 - 5	RM0.70	RM1.00
	5 dan lebih	RM0.50	RM0.70
Fotokopi <i>*Kertas A4</i>	1 - 5	RM0.20	RM0.50
	5 dan lebih	RM0.10	RM0.30
Pengimbas	Sekeping	RM0.10	RM0.30
<i>Laminate</i>	Saiz A4	RM2.00	RM2.50
	Saiz IC	RM1.00	RM1.50